

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 1/1981**

PERMOHONAN PECAHAN SEMPADAN/BAHAGIAN TANAH

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pemungut Hasil Tanah agar diambil segala langkah perlu terhadap kata sepakat yang telah dicapai dalam perbincangan pada 11.3.1981 berkaitan dengan pekara yang tersebut di atas di antara Pengarah Tanah dan Galian, Pengarah Ukur Negeri, Semua Pemungut Hasil Tanah dan Juruukur -Juruukur Berlesen yang menjalankan kerja-kerja dalam negeri ini.

2. Antara lain-lain persetujuan yang telah tercapai adalah seperti berikut:-

i) Pelan-Pelan Yang Dikemukakan Dimasa Membuat Permohonan.

Pelan cadangan (layout) hendaklah ditandatangani oleh pemohon, iaitu tuan / tuan-tuan tanah yang berkenaan itu sendiri dan juga Juruukur Berlesen. Pelan itu tidaklah semestinya ada dimension. Setelah dilulus oleh pejabat ini atau Pejabat Tanah berkenaan, maka pelan tersebut dikembalikan/diedarkan kepada Juruukur Berlesen untuk membolehkannya mengemukakan pelan itu bagi mendapatkan nombor-nombor lot daripada Pengarah Ukur Negeri. Sayugia diingat bahawa pelan tersebut tidakboleh digunakan untuk pelan Hakmilik Sementara (Q.T.).

- ii) Pelan Untuk Pengeluaran Hakmilik Sementara (Q.T.)
- (a) Pelan-pelan untuk pengeluaran Hakmilik Sementara hendaklah dinyatakan dimensionnya. Iaitu sekiranya tanah yang hendak dipecahkan itu telah pun diukur halus ianya boleh digunakan "precomputed dimension" sahaja; tetapi kalau tanah itu cuma berasal daripada S.I. ataupun cuma disukat kasar sahaja (plane-table survey) ukuran diatas tanah perlulah dibuat. Pelan -pelan yang disediakan untuk H.S. ini hendaklah ditandatangani sendiri oleh Juruukur Berlesen (bukan wakilnya) sebelum dikemukakan kepada Pejabat Tanah. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengeluarkan nombor Pejabat Tanah (P.T.) kepada Juruukur Berlesen bagi semua petak -petak pecahan bagi maksud pengeluaran H.S.
- (b) Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki menyimpan Buku Daftar nombor Pejabat Tanah yang telah dikeluarkan dalam sirinya mengikut Mukim yang berkenaan. Penggunaan nombor lot bagi tanah yang telah diukur adalah tidak dibenarkan .

iii) Penyedian Permohonan Ukur

Pelan-pelan bagi maksud ini mestilah mengandungi “bearing dan distences”.

Tanpa apa-apa kenyataan yang meragukan, Pemungut-Pemungut Hasil Tanah tidaklah perlu menghantar Pegawai -Pegawai Petempatan untuk membuat pengesahan dan memadailah dengan Juruukur Berlesen sendiri mengesahkan bahawa pelan tersebut adalah sebagaimana kedudukan di atas tanah.

t.t
(AB.HAMID BIN HJ.ABU BAKAR)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN,
KOTA BHARU**

FAIL: P.T.G.(KN.)11779/(21)

BERTARIKH : 24HB. MEI, 1981.

Kepada :

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan.

Salinan Kepada:

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
KOTA BHARU

Pengarah Penyelesaian Tanah ,
Kelantan.
KOTA BHARU

Semua Juruukur Berlesen ,
Negeri Kelantan.